

Tawar bantuan secara one-off

HM 26.11.2024 P.10

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah proaktif menyediakan bantuan kewangan, biasiswa dan sokongan psikologi bagi memastikan pelajar yang berpotensi dapat meneruskan pengajian tanpa terhalang.

Ketua Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, Masnahneh Masdin berkata, UMS menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dengan menawarkan bantuan secara **one-off** sebanyak RM500 untuk membayar yuran pengajian dan sara diri.

"Di UMS, kami membantu pelajar memohon bantuan tambahan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi seperti bantuan one-off RM1,000 daripada Yayasan Perkasa Siswa.

"Selain itu, pihak universiti turut menyediakan saluran untuk pelajar mendapatkan tajaan daripada Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) dan agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara), Yayasan Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Awam dan



MASNAHNEH

Yayasan Sabah. Kesemua bantuan ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar daripada keluarga B40 yang menghadapi masalah kewangan.

"Di UMS juga, kita sentiasa berusaha mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan melalui dua pendekatan utama iaitu sama ada mereka datang secara sukarela untuk memohon bantuan atau universiti yang mencari mereka" katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, pihak universiti memanfaatkan platform media sosial dan menjalin kerjasama erat dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Majlis Timbalan Dekan Fakulti untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang bantuan.